

Malaysia hampir noktah miskin tegar

PM yakin baki 0.09 peratus mampu diselesai sepenuhnya pada suku pertama 2026

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia menjadi antara negara di dunia yang hampir menoktahkan kemiskinan tegar, hasil pelaksanaan dasar dan program berfokus rakyat bawah pentadbiran Kerajaan MADANI, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ketika ini, kadar kemiskinan tegar negara hanya tinggal 0.09 peratus, sekali gus mencerminkan keberkesanan program bersifat inklusif dan menyeluruh yang dijalankan kerajaan, bagi memastikan tiada rakyat yang terpinggir dalam pembangunan negara.

Beliau menyatakan keyakinan

bahawa baki terbabit mampu diselesaikan sepenuhnya pada suku pertama 2026, sekali gus menjadikan Malaysia bebas kemiskinan tegar sepenuhnya.

“Semua program yang dilaksanakan seperti Kampung Angkat, Sekolah Angkat dan Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI), yang dipantau Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Kabinet, bagi memastikan tiada kelompok masyarakat negara ini yang tersisih atau ketinggalan.

“Malaysia diiktiraf di dunia sekarang dari sudut kejayaan menoktahkan kemiskinan tegar. Tidak (seperti) Amerika Syarikat, negara Eropah yang masih tinggi jumlah rakyatnya terlantar di pinggir jalan.

“Malaysia bersyukur kerana kemiskinan tegar kini tinggal 0.09 peratus sahaja,” katanya ketika berucap pada program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku, di Dataran Putrajaya, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri

Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abd Aziz.

Kejayaan Kerajaan MADANI

Pada masa sama, Anwar turut mengucapkan tahniah kepada Ketua Setiausaha Negara yang menyelenggarakan Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku sejak Jumaat hingga semalam, bertujuan memaparkan kejayaan inisiatif dijalankan Kerajaan MADANI sepanjang tiga tahun ini.

Beliau berkata, ketika ini juga, pertumbuhan suku ketiga negara berada pada paras 52 peratus, antara yang tertinggi di rantau.

“Kita tahu prestasi ringgit yang tertinggi di Asia, kita tahu pelaburan yang meningkat besar mencecah peningkatan perdagangan, pelaburan yang tinggi, peningkatan perdagangan 44 peratus dengan nilai kumulatif RM2.335 trilion.

“Malaysia, negara yang sederhana dengan penduduknya sekitar 34.5 juta orang, tetapi kumulatif perdagangan, peningkatan itu sekarang mencecah RM2.235 trilion. Jadi, mencatat keuntungan sangat mengagumkan dan membanggakan,” katanya.